

Banjir di Johor ragut mangsa pertama

» *Bencana alam makin buruk di Melaka; Segamat daerah terbaharu dilanda bah*

Oleh **Junita Mat Rasid, Mohd Roji Kawi Fairuz Zaidan, Ifwan Tun Tuah, Norizzah Baharudin dan Nurul Hidayah Bahaudin**
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Banjir di Melaka semakin buruk dengan jumlah mangsa dipindahkan meningkat, manakala bencana sama di Johor yang merebak ke Segamat, turut meragut mangsa pertama di Ledang, semalam.

Setakat jam 4 petang semalam, jumlah mangsa banjir di Melaka meningkat kepada 4,382 orang daripada 968 keluarga berbanding 3,092 orang daripada 670 keluarga pada sebelah tengah hari.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Melaka, Lt Kol Effendy Ali, berkata empat pusat pemindahan baharu dibuka di Melaka Tengah dan Alor Gajah, namun Balai Raya Asahan di Jasin ditutup petang semalam, menjadikan keseluruhan 16 pusat pemindahan masih dibuka di negeri ini.

Katanya, pusat pemindahan baharu ialah Sekolah Rendah Jenis

Kebangsaan Cina Malim, Sekolah Rendah Agama Bertam Malim dan Kompleks Penghulu Tampoi di Melaka Tengah, selain Sekolah Kebangsaan Gangsa di Alor Gajah.

Jumlah mangsa paling ramai di Melaka Tengah, iaitu 2,720 orang di enam pusat pemindahan, diikuti Alor Gajah dengan 1,615 orang di lapan pusat pemindahan dan Jasin dengan 47 mangsa di dua pusat pemindahan.

Mandi di parit

Di **Johor**, seorang remaja, Abd Hadi Abd Hamid, 14, lemas ketika mandi di parit di Kampung Tanjung Labuh, Ledang, kira-kira jam 2.30 petang semalam sebelum mayatnya ditemui oleh pasukan bomba, kira-kira 45 minit kemudian di dasar parit sedalam kira-kira 3.6 meter itu.

Menurut bapanya, Abd Hamid Buang, 43, anak kedua daripada empat beradik itu yang juga pelajar Tingkatan Dua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ledang sebelum ini tidak pernah mandi di parit berkenaan yang terletak kira-kira 300 meter dari rumah mereka.

Sementara itu, Segamat daerah terbaru dilanda banjir di Johor apabila 21 penduduk daripada enam keluarga dari Kampung Awat, Batu Anam dipindahkan. Di Ledang, 59 mangsa daripada 12 keluarga dari Kampung Seberang Gajah, Kampung Sialang Dalam dan Kampung Tanjong Laboh, masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Sialang.

Jumlah mangsa banjir di Johor meningkat kepada 105 orang daripada 29 keluarga dengan sebuah pusat pemindahan baharu dibuka di Sekolah Agama Bandar Tangkak (SABT) berikutan paras sungai utama di kawasan itu, termasuk Sungai Muar meningkat bahaya.

Pusat di SABT dibuka jam 2.30 petang semalam bagi menempatkan 24 mangsa daripada 10 keluarga. Dua lagi pusat yang dibuka lewat petang semalam ialah Sekolah Kebangsaan Tialang yang menempatkan 60 mangsa dan Balai Raya Kampung Awat di Gemas, Segamat dengan 21 mangsa.

Di **Negeri Sembilan**, Pengarah Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) negeri, Lt Kol Kamal Mokhtar, berkata sehingga jam 4 petang semalam, seramai 177 keluarga membabitkan 666 mangsa masih ditempatkan di enam pusat pemindahan di Tampin.

Daripada jumlah itu, 594 berada di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Kelamah, Balai Raya Sungai Kelamah (18), Balai Raya Parit Buloh di Air Kuning (16), Masjid Sungai Dua (22), SK Ladang di Gemas (4) dan SK Kampung Ladang (12).

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra), Datuk Dr Roslan Md Taha, laluan di Kilometer 43, Jalan Tampin-Gemas berhampiran FELDA Sungai Kelamah di sini, yang ditutup akibat rosak dalam kejadian banjir itu, dijangka dibuka semula, hari ini.



Penduduk memindahkan perahot ke tempat selamat selepas kediaman mereka dinaiki air berikutan hujan